

Tuesday, July 17, 2012

# MASJID KG SG RAMAL LUAR KAJANG



**16 Jul Isnin 10.30 pagi. Alhamdulilah akhirnya diberi kesempatan untuk singgah dan ziarah di Masjid Kg Sg Ramal Luar, Kajang ini. Sebelum ini hanya melaluinya sebab menghantar anak balik ke asrama di SAAS Kajang. Walaupun cuaca agak mendung dan kesuntukan masa bagi menghantar mereka balik ke sekolah tetapi hajat tetap diteruskan.**

## Blog Archive


- ▼ 2012 (18)
  - ► October (3)
  - ► September (3)
  - ► August (3)
  - ▼ July (9)
    - MASJID AL-FALAK USJ 9 SUBANG JAYA
    - MASJID KG SG RAMAL LUAR KAJANG
    - MASJID JAMEK BT 12 PUCHONG
    - MASJID AL-HUSNA, PUSAT BANDAR PUCHONG
    - MASJID DARUL SALAM PUCHONG
    - MASJID BDR BKT PUCHONG
    - MASJID AS-SALAM PUCHONG PERDANA
    - MASJID JAMEK BT 14 PUCHONG
    - SURAU AL-MAWADDAH PU 5 PUCHONG UTAMA


## About Me



**FAIZMIN**

BLOG INI HANYALAH SEBAGAI CORETAN SEBUAH PERJALANAN KEHIDUPAN UNTUK KITA BERMUHASABAH.

View my complete profile



Seperti ditentukan Allah, turun sahaja dari kereta terjumpa dengan AJK Masjid yang sedang tekun menjalankan kerja-kerja pembersihan di luar masjid. Darinya dapatlah sedikit maklumat dan info mengenai masjid ini.



Masjid ini terletak bersebelahan dengan Lebuhraya SILK Kajang menghala susur ke pekan Kajang selepas persimpangan Semenyih dan Banggi. Terdapat masjid lama bersebelahan dengannya dan ianya digunakan hanya untuk solat jumaat sahaja.




Masjid lama ini berusia 83 tahun seperti tertera pada tiang masuk pintu masjid yang ianya telah dibina pada 1929. Ianya masih kukuh dan mengekalkan seni bina tempatan dan tidak berubah hanya di cat semula bagi menyerlahkan keasliannya.






---

Posted by FAIZMIN at 9:56 PM

## No comments:

## Post a Comment